

BUKU DASAR

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

JANUARI 2020 SEHINGGA KINI

SENARAI KANDUNGAN :

1 KENAIKAN KADAR ELAUN TETAP DAN BAYARAN "SITTING ALLOWANCE" AHLI-AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR 1 - 3

2 KEBENARAN MENJALANKAN KERJA-KERJA LEBIH MASA DI BAZAR RAMADAN ANJURAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 2021/1442 H 4 - 6

3 CADANGAN SUMBANGAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI KE TABUNG ANULAE MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 7 - 8

4 PERMOHONAN PENYEDIAAN PEMANDU DAN KENDERAAN RASMI TUAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 9 - 11

5 PENETAPAN KELAYAKAN SERTA KADAR SEWA DEWAN DAN PERALATAN MILIK MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI UNTUK PEGAWAI / KAKITANGAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 12 - 14

6 KADAR KHAS ELAUN LEBIH MASA PEGAWAI / STAF MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI YANG MENJALANKAN TUGAS DALAM MASA KECEMASAN IAITU PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERMULA DARI 18 MAC 2020 SEHINGGA TAMAT PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN SEBAGAIMANA PERINTAH AM 15 - 19

7 PENANGGUHAN PEMBAYARAN PEMOTONGAN GAJI BAGI SEWAAN RUMAH (KUARTERS), KENDERAAN DAN KOMPUTER UNTUK PEGAWAI / STAF MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MULAI APRIL SEHINGGA DISEMBER 2020 20 - 21

8 MEMBANTERAS PENYALAHGUNAAN PENGGUNAAN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH SERTA PENGGUNAAN JATA KERAJAAN NEGERI JOHOR SEBAGAIMANA PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR BIL 2 TAHUN 2017 22 - 23

9 MENGGUNAPAKAI PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA W.P1.4- KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM DAN PEGAWAI / STAF MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 24 - 26

10 PERMOHONAN PEMBAYARAN BALIK BAGI MENJALANI PEMERIKSAAN SWAB TEST-PCR (COVID-19) KHUSUSNYA UNTUK PEGAWAI / STAF MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI YANG MENYERTAI PROGRAM PASCA BANJIR 27 - 29

11 PERMOHONAN PENAMBAHAN KADAR KEMUDAHAN BAYARAN PERUBATAN SELAIN HOSPITAL BAGI KAKITANGAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 30

12 PERMOHONAN PENAMBAHAN KADAR KEMUDAHAN BAYARAN PERUBATAN SELAIN HOSPITAL BAGI KAKITANGAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 30 - 32

BUKU DASAR
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

2021 - SEHINGGA KINI

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 01/2020

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	13	Jan	2020
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	*BERTARIKH*			*2020*
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	*BERTARIKH*			*2020*
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	*BERTARIKH*			*2020*
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	*BERTARIKH*			*2020*
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	*BERTARIKH*			*2020*
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2020
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	22-Jan-2020		

" AGENDA TETAP "

8. Memaklumkan **Kenaikan Kadar Elaun Tetap Dan Bayaran "Sitting Allowance' Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Kenaikan Kadar Elaun Tetap Dan Bayaran "Sitting Allowance' Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor sebagaimana **Agenda 8.**

Kadar Baru Elaun Tetap Ahli Majlis

KATEGORI	KADAR SEMASA (RM)	KADAR BARU (RM)
Bandaraya	900.00	1,800.00
Perbandaran	800.00	1,300.00
Daerah	600.00	1,000.00

Kadar Baru "Sitting Allowance" Tetap Ahli Majlis

	KADAR SEMASA (RM)	KADAR BARU (RM)
Bandaraya	50.00	70.00
Perbandaran	40.00	60.00
Daerah	40.00	60.00

Kekerapan mesyuarat maksimum 10 kali sebulan

*** Sidang Mesyuarat bersetuju MENERIMA maklum Kenaikan Kadar Elaun Tetap Dan Bayaran "Sitting Allowance' Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor sebagaimana surat daripada Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor rujukan SUKJ.KT.4/6 Jld.6 (24) Bertarikh 18 Disember 2019.

Tindakan: MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA MEMAKLUMKAN
KENAIKAN KADAR ELAUN TETAP DAN BAYARAN 'SITTING ALLOWANCE'
AHLI-AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR

1. **TUJUAN**

1.1 Kertas ini dibentang bertujuan untuk memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 11 Disember 2019 menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil. 1921/2019 dan telah mengambil keputusan sebagaimana berikut :

Majlis **BERSETUJU** dengan kenaikan kadar baharu Elaun Tetap dan bayaran 'Sitting Allowance' kepada Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor sebagaimana Jadual 3 dan Jadual 5 dalam perenggan 4.2 Kerta J/KTKB&AS:KT)155/B/2019.
(Sebagaiman di Lampiran)

2. **PENETAPAN TARIKH**

Majlis juga bersetuju supaya kenaikan kadar baharu Elaun Tetap dan bayaran Sitting Allowance kepada Ahli Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor berkuatkuasa pada 1 Januari 2020.

Majlis seterusnya **BERSETUJU** keputusan ini dikeluarkan tanpa menunggu pengesahan peringatan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan.

3. **KADAR ELAUN**

Kadar Baru Elaun lama dan baru Ahli Majlis

KATEGORI	KADAR SEMASA (RM)	KADAR BARU (RM)
BANDARAYA	900.00	1,800.00
PERBANDARAN	800.00	1,300.00
DAERAH	600.00	1,000.00

Kadar Baru 'Sitting Allowance'

KATEGORI	KADAR SEMASA (RM)	KADAR BARU (RM)
BANDARAYA	50.00	70.00
PERBANDARAN	40.00	60.00
DAERAH	40.00	60.00

*Kekerapan Mesyuarat Maksima 10 kali sebulan

4. **PENUTUP**

Dengan ini Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am MDKT Bil 1/2020 yang bersidang pada hari ini dipohon mengambil maklum tentang kenaikan elaun tersebut.

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 04/2021

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH			2021
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	BERTARIKH			2021
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	BERTARIKH			2021
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	BERTARIKH			2021
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	BERTARIKH			2021
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	BERTARIKH			2021
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH	28	Apr	2021
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	31-May-2021		

" AGENDA TETAP "

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI BILANGAN 04/2021

4. Menimbang & Meluluskan **Kertas Kerja Kebenaran Menjalankan Kerja-Kerja Lebih Masa Di Bazar Ramadan Anjuran Majlis Daerah Kota Tinggi 2021/1442H**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Kebenaran Menjalankan Kerja-Kerja Lebih Masa Di Bazar Ramadan Anjuran Majlis Daerah Kota Tinggi 2021/1442H sebagaimana agenda. Kertas ini bertujuan untuk memohon kebenaran Pegawai/Staf/Pekerja Sambilan Harian, Majlis Daerah Kota Tinggi menjalankan kerja lebih masa di Bazar Ramadan anjuran MDKT yang bermula dari 13 April 2021/01 Ramadan 1442H. Terdapat dua jenis kategori bazar yang dilaksanakan iaitu Bazar Kering/Aidilfitri dan Bazar Basah/Ramadan yang melibatkan beberapa lokasi tumpuan antaranya Jalan Niaga Bandar, Taman Saujana, Lubok Kota, Taman Anggerik dan Tanjung Sedili yang bermula dari 2.00 petang hingga 2.00 pagi dengan mengikut pematuhan SOP lengkap termasuk imbasan kod, pemeriksaan suhu, penjarakan sosial dan hand sanitizer yang disedikan di setiap pintu masuk bazar sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Tarikh berkuatkuasa sebagaimana berikut:

Bazar	Tarikh	Masa
Bazar Basah/Ramadan	13 April 2021-22 April 2021	2.00 ptg-8.00 mlm
Bazar Kering/Aidilfitri	23 April 2021-13 Mei 2021	2.00 ptg- 9.00 mlm 9.00 mlm-2.00 pagi

***** Sidang Mesyuarat bersetuju <u>MELULUSKAN</u> Kertas Kerja Kebenaran Pegawai/Staf/Pekerja Sambilan Harian, Majlis Daerah Kota Tinggi menjalankan kerja lebih masa di Bazar Ramadan anjuran MDKT yang bermula dari 13 April 2021/01 Ramadan 1442H. Tiada halangan bagi Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang telah dilantik oleh pihak Urusetia MDKT sebagaimana di Lampiran dibenarkan membuat tuntutan Kerja Lebih Masa. Berdasarkan Perintah Am Bab G (iii) elaun lebih masa, tolak (1) satu jam waktu bekerja kecuali Jumaat dan Sabtu. Kaedahnya tamat bekerja di sepanjang ramadan pada jam 4.30 petang maka tuntutan bermula pada jam 5.30 petang dan begitu juga hari khamis balik jam 3.00 petang dan tuntutan bermula dari jam 4.00 petang sehingga tamat bertugas adalah dikecualikan. Petugas juga dibenarkan membuat tuntutan tersebut dengan jumlahnya melebihi ½ dari gaji pokok bulanan yang ditetapkan sebelum ini.**

Tindakan : MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA
KEBENARAN MENJALANKAN KERJA-KERJA LEBIH MASA DI BAZAR RAMADAN ANJURAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 2021/1442H

1. TUJUAN

1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk memohon kebenaran Pegawai/Staf/Pekerja Sambilan Harian, Majlis Daerah Kota Tinggi menjalankan kerja lebih masa di Bazar Ramadan anjuran MDKT yang bermula dari 13 April 2021/01 Ramadan 1442H.

1.2 Terdapat dua jenis kategori Bazar yang dilaksanakan iaitu Bazar Kering/Aidilfitri dan Bazar Basah/Ramadan yang melibatkan beberapa lokasi tumpuan antaranya Jalan Niaga Bandar, Taman Saujana, Lubuk Kota, Taman Anggerik dan Tanjung Sedili yang bermula dari 2.00 petang hingga 2.00 pagi dengan mengikut pematuhan SOP lengkap termasuk imbasan Kod, Pemeriksaan Suhu, penjarakan sosial dan Hand Sanitizer yang disediakan di setiap pintu masuk Bazar sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)

2. TARIKH BERKUATKUASA

2.1 Sebagaimana ketetapan dari Majlis Keselamatan Negara (MKN) di Lampiran

Bazar	Tarikh	Masa
Bazar Basah/Ramadan	13 April 2021 - 22 April 2021	2.00 pm – 8.00pm
Bazar Kering/Aidilfitri	23 April 2021 – 13 Mei 2021	2.00 pm – 9.00 pm 9.00 pm – 2.00 am

3.SYOR JABATAN

3.1 Jabatan Mengesyorkan Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang telah dilantik oleh pihak Urusetia MDKT sebagaimana di Lampiran dibenarkan membuat tuntutan Kerja Lebih Masa.

3.2 Berdasarkan Perintah Am Bab G (iii) Elaun Lebih Masa, tolak (1)satu jam waktu bekerja kecuali Jumaat dan Sabtu. Kaedahnya tamat bekerja di sepanjang Ramadan pada jam 4.30 petang maka tuntutan bermula pada jam 5.30 petang dan begitu juga hari khamis balik jam 3.00 petang dan tuntutan bermula dari jam 4.00 petang sehingga tamat bertugas adalah dikecualikan.

3.3 Petugas juga dibenarkan membuat tuntutan tersebut dengan jumlahnya melebihi ½ dari gaji pokok bulanan yang ditetapkan sebelum ini.

4.PENUTUP

Kertas Kerja ini dikemukakan untuk pertimbangan sidang mesyuarat Jawatankuasa Majlis Daerah Kota Tinggi dan seterusnya diperakukan pelaksanaanya di Majlis Daerah Kota Tinggi.

DISEDIAKAN OLEH JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 12/2020

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	16	Dec	2020
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	*BERTARIKH*			*2020*
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	*BERTARIKH*			*2020*
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	*BERTARIKH*			*2020*
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	*BERTARIKH*			*2020*
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	*BERTARIKH*			*2020*
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2020
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	30-Dec-2020		

" AGENDA TETAP "

8. Menimbang & Meluluskan **Kertas Kerja Cadangan Sumbangan Kewangan Majlis Daerah Kota Tinggi Ke Tabung Anulae Majlis Daerah Kota Tinggi**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Cadangan Sumbangan Kewangan Majlis Daerah Kota Tinggi Ke Tabung Anulae Majlis Daerah Kota Tinggi sebagaimana **Agenda 8.** Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada Persatuan Anulae MDKT membuka akaun buat julung kalinya disamping memudahkan untuk ahli-ahli persatuan bergerak untuk melaksanakan aktiviti dan membantu dari pelbagai aspek terutamanya untuk kebajikan 218 pegawai/staf MDKT. Sebanyak RM6000.00 akan disalurkan ke Tabung Anulae MDKT atas tujuan Yang Dipertua MDKT.

*** **Sidang Mesyuarat bersetuju <u>MELULUSKAN</u> Kertas Kerja Sumbangan Kewangan Majlis Daerah Kota Tinggi Ke Tabung Anulae Majlis Daerah Kota Tinggi sebanyak RM6000.00 sebagaimana agenda yang dibentangkan.**

Tindakan: MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA CADANGAN
SUMBANGAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI KE TABUNG ANULAE, MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

1. PENGENALAN

Kertas kerja ini dibentang untuk mendapat persetujuan di atas usaha pihak Majlis untuk meyumbangkan dana ke tabung Anulae MDKT. Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada Persatuan Anulae MDKT membuka akaun buat julung kalinya disamping memudahkan untuk ahli-ahli persatuan bergerak untuk melaksanakan aktiviti aktiviti membantu dari pelbagai aspek terutamanya untuk kebajikan 218 Pehgawai/Staf MDKT.

The Amalgamated Nation Union Authorities Employees (ANULAE) atau Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Penguasa-Penguasa Tempatan adalah sebuah Kesatuan Sekerja terunggul di Pihak Berkuasa Tempatan yang telah ditubuhkan pada 1hb. April 1963 dengan 2.PERSATUAN ANULAE dengan No Pendaftaran 342.

Mempunyai perkhidmatan yang sfisyen kepada ahli adalah satu elemen yang penting. Keahlian semenanjung Malaysia merangkumi 38 cawangan dan 6 kawasan dengan keahlian seramai 22,745 orang sehingga Julai 2020.

2-TUJUAN PENUBUHAN DI MDKT

Memperoleh serta mengekalkan sukatan gaji yang adil dan sesuai, keselamatan bekerja , masa dan syarat-syarat bekerja yang berpatutan dan memberi nasihat serta bantuan mengenai perkara-perkara tersebut.
Mengatur perhubungan antara pihak majikan dan pekerja.

Menganjurkan kursus, seminar dan dialog.

Meningkatkan kecekapan serta disiplin dikalangan ahli.

Mengembangkan kesedaran kepada ahli tentang kesedaran bertugas yang mengatasi rintangan sosial.

3-JUMLAH SUMBANGAN MDKT

Sebanyak RM6000 akan disalurkan ke tabung Anulae MDKT atas persetujuan Yang Dipertua MDKT.

4-ULASAN JABATAN DI MDKT

Pentadbiran Majlis tiada halangan dan menyokong sumbangan ini kepada persatuan terbabit sebagai insentif yang dilihat mampu bergerak dengan lebih baik lagi di dalam memperjuangkan hak serta kebajikan wargakerja MDKT.

5-PENUTUP

Dengan ini kertas kerja ini dapat dipertimbangkam untuk kelulusan ahli-ahli mesyuarat.

(DISEDIAKAN OLEH JABATAN KHIDMA PENGURUSAN)

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 06/2021

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	16	Jun	2021
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	BERTARIKH			2021
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	BERTARIKH			2021
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	BERTARIKH			2021
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	BERTARIKH			2021
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	BERTARIKH			2021
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2021
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	29-Jun-2021		

" AGENDA TETAP "

4. Menimbang & Meluluskan **Kertas Kerja Permohonan Penyediaan Pemandu Dan Kenderaan Rasmi Yang Dipertua, Majlis Daerah Kota Tinggi**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Permohonan Penyediaan Pemandu Dan Kenderaan Rasmi Yang Dipertua, Majlis Daerah Kota Tinggi sebagaimana **Agenda 4**. Kertas kerja ini dibentangkan untuk dokumentasi perjalanan Yang Dipertua MDKT yang masih belum mempunyai rumah/kediaman rasmi di Daerah Kota Tinggi dan terpaksa berulang-alik dari rumah ke pejabat setiap hari.

*** **Sidang Mesyuarat bersetuju <u>MELULUSKAN</u> Kertas Kerja Permohonan Penyediaan Pemandu Dan Kenderaan Rasmi Yang Dipertua, Majlis Daerah Kota Tinggi tambahan pula Yang Dipertua MDKT yang masih belum mempunyai rumah/kediaman rasmi di Daerah Kota Tinggi dan terpaksa berulang-alik dari rumah ke pejabat setiap hari. Kenderaan rasmi tersebut hendaklah mengambil dan menghantar balik dari rumah kediaman Yang Dipertua ke pejabat (Ulang-Alik). Dikuatkuasakan untuk Yang Dipertua sekarang dan masa akan datang yang berkhidmat di Majlis Daerah Kota Tinggi. Walau bagaimanapun pekeliling ini hanyalah digunapakai oleh Kementerian sahaja dan syor pentadbiran ianya dipanjangkan ke Kerajaan Negeri untuk ditimbalguna di Pihak Berkuasa Tempatan.**

Tindakan: MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA
PERMOHONAN PENYEDIAAN
PEMANDU DAN KENDERAAN RASMI YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

1. **TUJUAN**

Kertas permohonan ini bertujuan bagi mendapatkan persetujuan cadangan menyediakan pemandu serta kenderaan rasmi Yang Dipertua, Majlis Daerah Kota Tinggi di dalam memperkasakan lagi Tadbir Urus Organisasi Majlis Daerah Kota Tinggi lebih efektif dan tersusun.

2. **FUNGSI/TUGASAN UTAMA YANG DIPERTUA**

- Mentadbir Urus Majlis Daerah Kota Tinggi
- Membuat tinjauan di kawasan pentadbiran dan kawalan MDKT setiap pagi dan petang
- Merancang dasar pembangunan Daerah Kota Tinggi
- Mengawaselia kemudahan awam dan asas supaya kondusif kepada pelanggan
- Menyampaikan perkhidmatan yang lebih efisyen dan mesra pelanggan
- Mengurus sistem pentadbiran yang lebih tadbir urus dan berintegriti
- Meningkatkan kualiti masyarakat dari aspek sosial, sosioekonomi, sahsiah dan rohaniah.

Kawasan pentadbiran dan kawalan MDKT seluas 220,927 Hektar yang terdiri dari 5 Mukim iaitu Bandar Kota Tinggi, Ulu Sungai Johor, Ulu Sungai Sedili Besar, Kambau dan Sedili Besar.

3. **PANDUAN PEKELILING**

Selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) WP 4.1Pengurusan Kenderaan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Pentadbiran ini mengambil inisiatif untuk memurnikan garis panduan yang telah dikeluarkan sebelum ini bagi rujukan Jabatan sebagaimana di bawah :-

Pegawai Yang Layak Dibekalkan Kereta Rasmi Jawatan
Kereta Rasmi Jawatan layak diperuntukkan kepada pegawai- pegawai seperti berikut:

3.1 Anggota Pentadbiran, Yang Dipertua/Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara/Dewan Rakyat, Hakim Dan Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama/Khas C Dan Ke Atas Atau Setaraf mengikut kelayakan masing- masing. kecuali bagi pegawai yang dinyatakan di perenggan 4.2. iaitu Kemudahan ini ditarik balik apabila pegawai tidak lagi memegang jawatan tersebut.

Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah hendaklah diikuti:

3.1.1 "Ketua Jabatan" ialah pegawai yang mengetuai sesebuah organisasi sama ada di peringkat ibu pejabat, negeri, daerah dan pejabat cawangan atau pegawai yang diberi kuasa

3.1.2 "Kereta Rasmi Jawatan" ialah kereta yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan jawatan kepada Anggota Pentadbiran, Yang Dipertua/Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara/Dewan Rakyat, Hakim dan Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama/Khas C dan ke atas atau yang setaraf;

3.1.3 "Kereta Konsesi" ialah Kereta Saloon yang dipajak daripada syarikat konsesi yang dilantik oleh Jabatan/Kerajaan;

3.1.4 "Kereta Saloon" ialah kereta penumpang termasuk station wagon;

3.1.5 "Pegawai Kenderaan" ialah pegawai yang dilantik atau ditugaskan oleh Ketua Jabatan untuk menguruskan Kenderaan Kerajaan di Kementerian/Jabatan;

3.1.6 "Pemandu Kenderaan Kerajaan" ialah pemandu yang dilantik sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, pegawai yang diberi kebenaran secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk memandu Kenderaan Jabatan atau pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran, Yang Dipertua/Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara/Dewan Rakyat dan Hakim yang layak mendapat kemudahan Kereta Rasmi Jawatan tetapi tidak termasuk pemandu yang dilantik sendiri oleh Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Khas B, Gred Utama C dan ke bawah atau yang setaraf;

3.1.7 "Tugas Rasmi" ialah tugas yang berkaitan dengan fungsi Jabatan dan tugas lain yang berkaitan dengan pejabat yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa; dan diberi kemudahan lain iaitu penggunaan kad Tol dan penyelenggaraan di bengkel kereta.

4. AKTA 171 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 Mengandungi pindaan terkini
- P.U. (A) 439/2010

"Yang Dipertua" ertinya orang yang pada masa ini menjalankan kewajipan jawatan Yang Dipertua suatu Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Bahagian 11 Seksyen 8. Pentadbiran kawasan pihak berkuasa tempatan.
Hal ehwal tiap-tiap kawasan pihak berkuasa tempatan hendaklah ditadbirkan oleh suatu pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan oleh dan mengikut Akta ini:

Dengan syarat bahawa jika pemakaian Akta ini bagi Wilayah Persekutuan terdapat apa-apa percanggahan antara Akta ini dengan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 itu hendaklah dipakai.

5. ULASAN JABATAN

Pentadbiran menyokong di atas syor ini tambahan pula Yang Dipertua MDKT masih lagi belum mempunyai rumah/kediaman rasmi di Daerah Kota Tinggi dan terpaksa berulang-alik dari rumah ke pejabat setiap hari.

Juga disyorkan kenderaan rasmi tersebut hendaklah mengambil dan menghantar balik dari rumah kediaman Yang Dipertua ke pejabat(Ulang-Alik).

Dikuatkuasakan untuk Yang Dipertua sekarang dan masa akan datang yang berkhidmat di Majlis Daerah Kota Tinggi.

Walau bagaimanapun pekeliling ini hanyalah digunapakai oleh pihak Kementerian sahaja dan syor pentadbiran ianya dipanjangkan ke Kerajaan Negeri untuk ditimbalguna di Pihak Berkusa Tempatan

6. PERTIMBANGAN

Kertas ini dibentangkan untuk dibincangkan dan seterusnya dipertimbangkan untuk persetujuan sidang mesyuarat.

DISEDIAKAN OLEH JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN, MDK

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 05/2021

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	9	May	2021
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	BERTARIKH			2021
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	BERTARIKH			2021
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	BERTARIKH			2021
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	BERTARIKH			2021
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	BERTARIKH			2021
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2021
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	31-May-2021		

" AGENDA TETAP "

5. Menimbang & Meluluskan **Kertas Kerja Penetapan Kelayakan Serta Kadar Sewa Dewan & Peralatan Milik Majlis Daerah Kota Tinggi Untuk Pegawai/Kakitangan Majlis Daerah Kota Tinggi Dan Masyarakat**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Penetapan Kelayakan Serta Kadar Sewa Dewan & Peralatan Milik Majlis Daerah Kota Tinggi Untuk Pegawai/Kakitangan Majlis Daerah Kota Tinggi Dan Masyarakat **sebagaimana agenda 5.** Kadar kelayakan harga sewaan Dewan & Peralatan dengan potongan peratusan yang diberikan kepada penyewa sebagaimana berikut:

Bil	Senarai Penyewa	Bayaran % dari Harga Asal Dewan	Bayaran % dari Harga Asal Peralatan
1	Pegawai/Kakitangan MDKT/ Ahli Majlis MDKT	Percuma	Percuma
2	Orang Awam	100%	100%
3	NGO	100%	100%
4	Agensi Kerajaan	20%	100%
5	Agensi Swasta	100%	100%
6	Sekolah	20%	100%

*** Sidang Mesyuarat bersetuju <u>MELULUSKAN</u> Kertas Kerja Penetapan Kelayakan Serta Kadar Sewa Dewan & Peralatan Milik Majlis Daerah Kota Tinggi Untuk Pegawai/Kakitangan Majlis Daerah Kota Tinggi Dan Masyarakat sebagaimana agenda yang dibentangkan. Segala pertimbangan rayuan adalah tertakluk pada budi bicara Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi.

Tindakan: MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA
PENETAPAN KELAYAKAN SERTA KADAR SEWAAN DEWAN & PERALATAN
MILIK MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
UNTUK PEGAWAI/STAF MDKT DAN MASYARAKAT

1. **TUJUAN**

Kertas permohonan ini bertujuan untuk menetapkan satu kadar sewaan Dewan dan peralatan milik MDKT untuk pelbagai aktiviti/program/perkahwinan yang berkaitan kepada penyewa-penyewa yang terdiri daripada Pegawai/Staf MDKT/Agensi Kerajaan/Swasta/NGO dan Sekolah.

Di samping memudahkan ianya juga dapat memberikan panduan yang lebih tepat dan lengkap kepada pengurusan MDKT dan Pegawai yang bertanggungjawab menyelaras pengurusan sewaan dan peralatan yang berkaitan.

2. **SENARAI SEWAAN DEWAN DAN PERALATAN MDKT**

Sebagaimana di Lampiran A

3. **KADAR TERDAHULU**

Berikut adalah kadar kelayakan harga sewaan Dewan & Peralatan dengan potongan peratusan yang diberikan kepada penyewa sebagamana berikut :-

Bil	Senarai Penyewa	Kadar Harga 2020/2021	Bayaran % dari Harga Asal Dewan	Bayaran % dari Harga Asal Peralatan
1	Pegawai/Staf MDKT Ahli Majlis MDKT	Di Lampiran A	Percuma	Percuma
2	Orang Awam	Di Lampiran A	100%	100%
3	NGO	Di Lampiran A	100%	100%
4	Agensi Kerajaan	Di Lampiran A	20%	100%
5	Agensi Swasta	Di Lampiran A	100%	100%
6	Sekolah	Di Lampiran A	20%	100%

4. **SOP SEWAAN DEWAN DAN PERALATAN**

Sebagaimana di Lampiran B

5. **RAYUAN**

Segala pertimbangan rayuan adalah tertakluk pada budi bicara tuan Yang Dipertua MDKT.

6. **ULASAN JABATAN**

Memandangkan sewaaan & peralatan tersebut merupakan hasil MDKT dan kepentingan awam juga diambil kira maka pentadbiran menyokong agar ada satu penetapan kadar sewa khusus ditetapkan agar kedua-dua pihak berada dalam situasi menang-menang di sepanjang tempoh penyewaan dilaksanakan.

7. **PERTIMBANGAN**

Kertas ini dibentangkan untuk dibincangkan dan seterusnya dipertimbangkan untuk persetujuan mesyuarat.

DISEDIAKAN OLEH JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN, MDKT

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 04/2020

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	29	Apr	2020
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	*BERTARIKH*			*2020*
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	*BERTARIKH*			*2020*
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	*BERTARIKH*			*2020*
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	*BERTARIKH*			*2020*
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	*BERTARIKH*			*2020*
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2020
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	13-May-2020		

" AGENDA TETAP "

10. Menimbang & Meluluskan **Kertas Kerja Kadar Khas Elaun Lebih Masa Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi Yang Menjalankan Tugas Dalam Masa Kecemasan Iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Bermula Dari 18 Mac 2020 Sehingga Tamat Perintah Kawalan Pergerakan Sebagaimana Perintah Am**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Kadar Khas Elaun Lebih Masa Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi Yang Menjalankan Tugas Dalam Masa Kecemasan Iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Bermula Dari 18 Mac 2020 Sehingga Tamat Perintah Kawalan Pergerakan Sebagaimana Perintah Am sebagaimana Agenda **10** dan kadar bayaran sepertimana berikut:-

Hari	Masa	Kadar
Ahad hingga Khamis	5.00 petang – 10.00 malam 10.00 malam-6.00 pagi 6.00 pagi-8.00 pagi	D (1.75) E (2.00) D (1.75)
Hari	**Masa**	**Kadar Khas**
Jumaat dan Sabtu Cuti Umum	Bermula dari jam 8.00 pagi (dan seterusnya seperti jadual di atas)	D (1.75) E(2.00) E(2.00)

*** Sidang Mesyuarat bersetuju <u>MELULUSKAN</u> Kertas Kerja Kadar Khas Elaun Lebih Masa Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi Yang Menjalankan Tugas Dalam Masa Kecemasan Iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Bermula Dari 18 Mac 2020 Sehingga Tamat Perintah Kawalan Pergerakan Sebagaimana Perintah Am. Kadar khas elaun lebih masa ini hanya terpakai kepada petugas barisan hadapan yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan telah mendapat kelulusan Yang Dipertua atau diarahkan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa iaitu bermula dari 18 Mac 2020 sehingga tamat Perintah Kawalan Pergerakan.

KERTAS KERJA
KADAR KHAS ELAUN LEBIH MASA PEGAWAI/STAF MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI YANG MENJALANKAN TUGAS DALAM MASA KECEMASAN IAITU PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERMULA DARI 18 MAC 2020 SEHINGGA 28 APRIL 2020 SEBAGAIMANA PERINTAH AM

1. TUJUAN

1.1 Kertas cadangan ini bertujuan bagi memaklumkan berhubung kadar khas elaun lebih masa Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi yang menjalankan tugasan di dalam masa kecemasan iaitu Perintah Kawalan Pergerahan (PKP) yang bermula dari 18 Mac 2020 – 28 April 2020 sebagaimana yang termaktub di dalam buku **Perintah Am Bab G (III) Elaun Lebih Masa.**

1.2 Perintah Kawalan Pergerakan bagi mencegah Covid 19 ini dijangkakan akan berteruskan memandangkan keadaaan semasa laporan dari Kementerian Kesiahatan Malaysia setakat 12 April 2020 jumlah jangkitan telah meningkat dan melebihii 4200 orang di Malaysia sahaja malah telah mencapai melebhli sejuta orang di seluruh dunia.

2. PENGENALAN

2.1 Pentadbiran MDKT mengambil maklum akan keseriusan arahan bertugas bagi Frontliner/Barisan Hadapan atau Warga MDKT yang diarahkan bertugas sepanjang tempoh COVID 19. Mengikut makluman diterima berlaku kejadian anggota Polis positif Covid 19 dan untuk itu ditambah lagi dengan kekuatan polis dgn anggota FRU sebagai tambahan dan juga Pegawai/ Petugas JPAM bertugas di kawasan - kawasan seperti EMCO di Simpang Renggam telah terdedah kpd positif Covid 19.

2.2 Walaupun dlm tempoh terdekat akan ada pemakluman elaun insentif khas frontliner PBT oleh kerajaan negeri berjumlah amaun tertentu, ianya masih jauh dengan risiko dan pengorbanan anggota MDKT yang diarahkan bertugas dan terdedah kepada risiko luar jangka.

3. KADAR YANG DITETAPKAN

Dengan ini, pihak Pentadbiran MDKT telah bersetuju bagi Kelulusan Pentadbiran MDKT bagi kadar khas tuntutan Elaun Lebih Masa (OT) sepanjang tempoh PKP COVID 19 dikuatkuasakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bg tempoh 18 Mac 2020 hingga 28 April 2020:-

Bagi kerja lebih masa untuk hari ahad hingga khamis kerja lebih masa dikira selepas 5.00 petang hingga 8.00 pagi keesokan hari

Dan diluluskan bg dibayar menggunakan kadar sebagaimana berikut :-

Hari	Masa	Kadar
Ahad hingga Khamis	5.00 petang – 10.00 malam	D (1.75)
	10.00 malam – 6.00 pagi	E (2.00)
	6.00 pagi – 8.00 pagi	D (1.75)
Hari	**Masa**	**Kadar Khas**
Jumaat dan Sabtu	Bermula dari jam 8.00 pagi (dan seterusnya seperti jadual di atas)	D (1.75)
		E (2.00)
Cuti Umum		E (2.00)

Manakala tugasan lebih masa bagi hujung minggu dan cuti umum

- Kadar kerja lebih masa diluluskan sbgmn kadar khas iaitu D dan E

4. ULASAN JABATAN

Semua penugasan jadual mestilah digilirkan atau dijadualkan oleh Ketua Jabatan bagi maksud Kerja kecemasan dibawah Frontliner COVID 19

(hanya petugas Front Line sahaja yang diarahkan bertugas oleh Ketua Jabatan dan telah mendapatkan kelulusan Yang Dipertua atau diarahkan oleh YDP pada bila-bila masa=

Termaktub dan mesti patuhi syarat Kerja Lebih Masa

Sekiranya atau kalau kerja lebih masa di buat di rumah bermakna tidak ada thumb print, maka tidak dibayar atas sebab waktu kerja 8.00 pagi -5.00 petang pun mereka kerja di rumah.

(akan ada isu), MELAINKAN kelulusan khas dan pemakluman arahan YDP bg tugasan penyediaan laporan kecemasan AD HOC sbgmn dikehendaki MKN, KPKT, SUKKT dan BPEN Johor dgn kadar segera bg pelaporan COVID 19.

5. PENUTUP

Adalah dimaklumkan kelulusan khas Pentadbiran bagi kelulusan Khas Elaun kerja lebih masa ini dengan kelayakan kadar D dan E bagi hari-hari bertugas sepanjang tempoh pelaksanaan dan penguatkuasaan PKP 1, 2 dan 3 iaitu bagi bulan Mac 2020 (18-31 Mac 2020) dan bulan April (1 April-28 April 2020) dengan syarat tuntutan masa dan pengesahan diperakukan dan disahkan oleh Ketua Jabatan.

KERTAS KERJA CADANGAN

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 04/2020

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	29	Apr	2020
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	*BERTARIKH*			*2020*
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	*BERTARIKH*			*2020*
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	*BERTARIKH*			*2020*
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	*BERTARIKH*			*2020*
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	*BERTARIKH*			*2020*
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2020
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	13-May-2020		

" AGENDA TETAP "

11. Menimbang & Meluluskan **Kertas Kerja Penangguhan Pembayaran Pemotongan Gaji Bagi Sewa Rumah (Kuaters), Kenderaan Dan Komputer Untuk Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mulai April Sehingga Disember 2020**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Penangguhan Pembayaran Pemotongan Gaji Bagi Sewa Rumah (Kuaters), Kenderaan Dan Komputer Untuk Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mulai April Sehingga Disember 2020 sebagaimana Agenda **11.**

*** **Sidang Mesyuarat bersetuju <u>MELULUSKAN</u> Kertas Kerja Penangguhan Pembayaran Pemotongan Gaji Bagi Sewa Rumah (Kuaters), Kenderaan Dan Komputer Untuk Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mulai 1 <u>April 2020 Sehingga 31 Disember 2020</u> dan senarai nama peminjam, jenis pembayaran dan jumlah pemotongan adalah sebagaimana agenda yang dibentangkan.**

Tindakan: MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA
PENANGGUHAN PEMBAYARAN PEMOTONGAN GAJI
BAGI SEWA RUMAH (KUATERS), KENDERAAN DAN KOMPUTER UNTUK PEGAWAI//STAF MAJLIS DAERAH KOTA TIMGGI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
MULAI APRIL SEHINGGA DISEMBER 2020

1.TUJUAN

Kertas kerja ini dibentang adalah untuk memaklumkan bagl penangguhan pembayaran melalui pemotongan gaji bagi Sewaan Rumah (Kuarters), Kenderaan dan Komputer Pegawai/Staf MaJlis Daerah Kota Tinggi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memerangi wabak penyakit Covid 19 yang kini telah mengakibatkan melebihi 5000 orang telah dijangkiti di seluruh Malaysia sejak Mac 2020.

Ianya juga berikutan dari pengumuman dari Y.A.B Tan Sri Muhyiddin Bin Yassin, Perdana Menteri Malaysia tentang Keprihatinan yang sentiasa mendengar permintaan dan denyut nadi rakyat yang akhirnya bersetuju menawarkan penangguhan pembayaran pinjaman/moratorium bagi mengurangkan kesan kewangan semasa tempoh PKP selama 6 bulan bermula dari 1 April 2020.

2.TARIKH PENANGGUHAN

2.1 Tarikh : 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020

3.JENIS PEMBAYARAN DAN JUMLAH PEMOTONGAN

3.1 Kenderaan di LAMPIRAN A

3.2 Komputer di LAMPIRAN B

3.3 Rumah Sewa di LAMPIRAN C

4.ULASAN JABATAN

Pentadbiran Majlis menyokong di atas inisiatif yang diberikan sekurang – kurangnya dapat mengurangkan beban kewangan kepada Pegawai/Staf yang terbabit semasa tempoh PKP dilaksanakan.

5. PERTIMBANGAN

Kertas kerja ini dibentangkan adalah untuk makluman sidang mesyuarat.

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 01/2020

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	13	Jan	2020
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	*BERTARIKH*			*2020*
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	*BERTARIKH*			*2020*
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	*BERTARIKH*			*2020*
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	*BERTARIKH*			*2020*
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	*BERTARIKH*			*2020*
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2020
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	22-Jan-2020		

" AGENDA TETAP "

10. Memaklumkan **Kertas Kerja Berhubung Membanteras Penyalahgunaan Penggunaan Lambang, Gelaran Dan Anugerah Serta Penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor Sebagaimana Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bil. 2 Tahun 2017**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Berhubung Membanteras Penyalahgunaan Penggunaan Lambang, Gelaran Dan Anugerah Serta Penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor Sebagaimana Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bil. 2 Tahun 2017 sebagaimana **Agenda 10.** Kertas kerja ini adalah untuk memaklumkan kepada orang awam berkenaan Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bil. 2 Tahun 2017 berhubung dengan Pelaksanaan Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 serta penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor.

*** **Sidang Mesyuarat bersetuju <u>MENERIMA</u> maklum Berhubung Membanteras Penyalahgunaan Penggunaan Lambang, Gelaran Dan Anugerah Serta Penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor Januari 2020 sebagaimana Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bil. 2 Tahun 2017.**

Tindakan: MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA MAKLUMAN BERHUBUNG
MEMBANTERAS PENYALAGUNAAN PENGGUNAAN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH SERTA PENGGUNAAN JATA KERAJAAN NEGERI JOHOR SEBAGAIMANA PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR BIL. 2 TAHUN 2017

1. TUJUAN

Tujuan Kertas Kerja ini adalah untuk memaklumkan kepada orang awam berkenaan Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bil. 2 Tahun 2017 berhubung dengan Pelaksanaan Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 serta penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor.

2. LATARBELAKANG

Bagi menjunjung titah DYMM Sultan Ibrahiom Ibnu Almarhum Sultan Iskandar , Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim, satu Undang-Undang telah digubal bagi tujuan mencegah penggunaan tidak wajar berkenaan lambang yang ditetapkan, gelaran dan anugerah yang dikurniakan oleh DYMM Sultan Johor. Penggubalan Enakmen ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri bagi memartabatkan institusi DiRaja dan diharap dapat membanteras penyalahgunaan lambang, gelaran serta anugerah yang ada di Negeri Johor ini.

Enakmen ini telah mendapat kelulusan Dewan Undangan Negeri Johor yang bersidang pada 7 Mac 2017. Seterusnya, Enakmen ini telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 16 Mac 2017.

3. PENGGUNAAN JATA KERAJAAN NEGERI JOHOR DAN LAIN-LAIN LAMBANG GELARAN DAN ANUGERAH

Sebagaimana di para 4 pekeliling yang dilampirkan

4. TEMPOH COOLING PERIOD (TEMPOH KESEDARAN DAN BERSEDIA UNTUK MEMATUHI)

Sebagaimana di Para 5 Pekeliling yang dilampirkan

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai 02 Mei 2017

6. PENUTUP

Kertas kerja ini dimajukan untuk permakluman Yang Berhormat Dato/Yang Berhormat Mulia Tunku/Tuan /Puan dan dapatlah kiranya dipanjangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan agar dapat membantu Kerajaan Negeri membanteras penyalahgunaan lambang, gelaran dan anugerah serta penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor.

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 05/2020

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	13	May	2020
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	*BERTARIKH*			*2020*
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	*BERTARIKH*			*2020*
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	*BERTARIKH*			*2020*
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	*BERTARIKH*			*2020*
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	*BERTARIKH*			*2020*
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2020
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	18-May-2020		

" AGENDA TETAP "

4. Menimbang & Meluluskan **Kertas Kerja Menggunapakai Pindaan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P1.4-Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Dan Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Menggunapakai Pindaan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P1.4-Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Dan Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor sebagaimana **Agenda 4.** Kadar yang dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

Kadar Baru EPK		
Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi Bagi Tiap-Tiap Satu Bulan (sen/km)	Kadar Mengikut Jenis Kenderaan (sen/km)	
	Kereta	Motosikal
500 km pertama	85	55
501 km dan seterusnya	75	45
(Perenggan 5.7.1. PP WP 1.4)		

*** Sidang Mesyuarat bersetuju MELULUSKAN Kertas Kerja Menggunapakai Pindaan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P1.4-Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Dan Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor sebagaimana agenda yang dibentangkan. Sebagaimana surat dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Kerajaan Tempatan bertarikh 22 April 2020 dimana tarikh kuat kuasa kadar baharu tersebut adalah pada 1 Mac 2020 tetapi secara Pentadbiran Majlis Daerah Kota Tinggi adalah bermula 1 Jun 2020.

Tindakan: MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA

MENGGUNAPAKAI PINDAAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA W:P 1.4 – KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM DAN PEGAWAI/STAF MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR

1. TUJUAN

1.1 Kertas cadangan ini bertujuan bagi memaklumkan berhubung Menggunapakai Pindaan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P 1.4 – Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran kepada Pegawai/Staf Majlis Daerah Kota Tinggi kerana menjalankan tugas rasmi bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (lampiran)

1.2 Oleh yang demikian, Perbendaharaan Negeri Johor memutuskan untuk menggunapakai EPK tersebut sebagaimana Ringkasan Mesyuarat Bil : 356/2020 bertarikh 18 Mac 2020.

2, TARIKH BERKUATKUASA

2.1 Tarikh berkuatkuasa dengan kadar baru adalah mulai 01 Mac 2020. Kadar ini dikategorikan mengikut jenis kenderaan kereta dan motosikal sahaja.

3. KADAR YANG DITETAPKAN

Dengan ini, kadar yang dilaksanakan sebagaimana berikut :-

Kadar Baru EPK

Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi bagi Tiap-Tiap Satu Bulan (sen/KM)	Kadar Mengikut Jenis Kenderaan (sen/KM)	
	Kereta	Motosikal
500 km pertama	85	55
501 km dan seterusnya	75	45

(Perenggan 5.7.1 PP WP 1.4)

Penambahbaikan kadar EPK tersebut juga melibatkan pindaan pada borang tuntutan perjalanan di peringkat MDKT.

5. PENUTUP

Kertas Kerja ini dikemukakan untuk pertimbangan sidang mesyuarat Jawatankuasa Majlis Daerah Kota Tinggi dan seterusnya diperakukan pelaksanaanya di Majlis Daerah Kota Tinggi.

JABATAN KHIDMAT PENGURUSA

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA (PENGURUSAN)
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 01/2021

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH			2021
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	*BERTARIKH*			*2021*
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	*BERTARIKH*			*2021*
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	*BERTARIKH*			*2021*
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	*BERTARIKH*			*2021*
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	*BERTARIKH*			*2021*
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH	*27*	Jan	2021
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	23/2/2021		

" AGENDA TETAP "

AGENDA TAMBAHAN (PENGURUSAN)

JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM

3. Menimbang dan Meluluskan **Kertas Kerja Permohonan Pembayaran Balik Bagi Menjalani Pemeriksaan Swab Test-PCR (Covid-19) Khususnya Untuk Pegawai/ Staf MDKT Yang Menyertai Program Pasca Banjir**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Permohonan Pembayaran Balik Bagi Menjalani Pemeriksaan Swab Test-PCR (Covid-19) Khususnya Untuk Pegawai/ Staf MDKT Yang Menyertai Program Pasca Banjir. Senarai nama pegawai/ staf yang terlibat adalah sebagaimana agenda.

*** **Sidang Mesyuarat memutuskan bersetuju <u>MELULUSKAN</u> Kertas Kerja Permohonan Pembayaran Balik Bagi Menjalani Pemeriksaan Swab Test-PCR (Covid-19) Khususnya Untuk Pegawai/ Staf MDKT Yang Menyertai Program Pasca Banjir. Iaitu seramai 15 orang pegawai/staf telah di swab dengan jumlah keseluruhannya adalah RM4,000.00 sebagaimana agenda.**

Tindakan : MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA
PERMOHONAN PEMBAYARAN BALIK BAGI MENJALANI PEMERIKSAAN SWAB TEST – PCR (COVID-19) KHUSUSNYA PEGAWAI/STAF YANG MENYERTAI PROGRAM GOTONG ROYONG PASCA BANJIR

1. **TUJUAN**

Kertas permohonan ini bertujuan untuk mendapatkan persetujuan pembayaran tuntutun balik bagi menjalani Pemeriksaan Swab Test – PCR (Covid-19) Pegawai/Staf MDKT yang telah didahulukan bayarannya selepas menyertai misi Pasca Banjir yang telah dilaksanakan pada 07 Januari 2021 yang tanpa menolak kelayakan kos perubatan tahunan 2021.

2. **TARIKH PEMERIKSAAN & TEMPAT UJIAN**

Seramai 11 Pegawai & Staf yang terlibat dan menjalani pemeriksaan tersebut pada 16 & 17 Januari 2021 di Klinik Penawar Kota Tinggi dan empat daripadanya mempunyai mempunyai simpton demam dan telah mendapatkan keputusan pada hari yang sama yang mana semuanya negative(-) yang bermaksud bebas dari jangkitan Pandemik Covid-19.

Manakala 3 lagi staf MDKT didapati Kontak utama kepada pesakit Covid-19 dan seorang lagi bergejala dan telah pun membuat Ujian di Klinik APM Kota TInggi dan ke semua nya negative.

3. **SENARAI NAMA**

Berikut adalah senarai nama Pegawai/Staf MDKT yang terlibat :-

i)	Pn. Halina bte Hussine	-Jab. Kesihatan & Pelesenan
ii)	Pn. Norhafizah bte Yaacob	-Jab Perancang Pembgnan Landskap
iii)	En. Mohd Amin bin Mohamed	- Jab. Kesihatan & Pelesenan
iv)	En. Shah Jahan bin Muhammad	- Jab. Kesihatan & Pelesenan
v)	En. Mohd Noor bin Osman	-Jabatan Kejuruteraan
vi)	En. Syamil bin Rosedin	-Jab Penguatkuasaan
vii)	En. Gunasegaran A/I Alagapan	-Jab Kesihatan & Pelesenan
viii)	En. Md Rabiul Izwan b. Mohd Rushidi	-Jab Kesihatan & Pelesenan
ix)	En. Nabilah Izzati binti Hashim	-Jab. Pembangunan Masyarakat
x)	En. Muhammad Firdaus b. Sulaiman.	-Jab. Kesihatan & Pelesenan
xi)	En. Norazman bin Alimi	-Jabatan Kejuruteraan
xii)	Pn Noor Aini bin Kamaruzaman	-Jabatan Pelesenan & Kesihatan
xiii)	Pn Dafirah binti Ani	-Jabatan Pelesenan & Kesihatan
xiv)	Pn Norhayati bnti Arippin	-Jab Kejuruteraan
xv)	En. Muhammad Farhan b. M. Yusof	-Unit Audit Dalam

4. JUMLAH BAYARAN

Jumlah bayaran yang dikenakan adalah RM280.00 seorang x 11 Peg/Staf = RM 3,080.00. 10 orang Pegawi/Staf telah didahulukan oleh Pn Halina binti Hussine, Penolong Pegawai Kesihatan. (Resit sebagaimana di Lampiran). Manakala Encik Norazman bin Alimi membayar sendiri sebagaimana resit yang dilampirkan. Bagi bayaran 4 staf beriktnya telah didahulukan oleh Encik Shah Jahan bin Mohamed, Ketua Jabatan Pelesenan & Kesihatan sebanyak RM920.00 dan keseluruhannya adalah RM 4,000.00 (Lampiran 1)

5. ULASAN JABATAN

Pengesyoran Reimburse/bayaran balik untuk intensif ini adalah disokong kerana ianya merupakan (Task Force) kerja-kerja khas gotong royong demi untuk membantu MDKT untuk membersihkan sekitar permis-permis di bawah pentadbiran MDKT serta merupakan 'front liner' dan pada pegawai/staf yang bergejala. Pentadbiran juga menyokong agar keputusan ini dapat dikekalkan dan digunapakai pada masa-masa akan datang sekiranya berlaku lagi kejadian seumpama dan berkaitan terhadap Pegawai/Staf MDKT.

6. PERTIMBANGAN

Kertas ini dibentangkan untuk dibincangkan dan seterusnya dipertimbangkan untuk persetujuan sidang mesyuarat

DISEDIAKAN OLEH JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN, MDKT

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 10/2020

48

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	20	Oct	2020
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	*BERTARIKH*			*2020*
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	*BERTARIKH*			*2020*
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	*BERTARIKH*			*2020*
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	*BERTARIKH*			*2020*
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	*BERTARIKH*			*2020*
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2020
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	28-Oct-2020		

" AGENDA TETAP "

6. Menimbang & Meluluskan **Kertas Kerja Cadangan Permohonan Penambahan Kadar kemudahan Bayaran Perubatan Selain Hospital Bagi Kakitangan Majlis Daerah Kota Tinggi**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Cadangan Permohonan Penambahan Kadar kemudahan Bayaran Perubatan Selain Hospital Bagi Kakitangan Majlis Daerah Kota Tinggi sebagaimana **Agenda 6.**

***** Sidang Mesyuarat bersetuju <u>MELULUSKAN</u> Kertas Kerja Cadangan Permohonan Penambahan Kadar kemudahan Bayaran Perubatan Selain Hospital Bagi Kakitangan Majlis Daerah Kota Tinggi. Sehubungan dengan itu, sebagai satu insentif dan kebajikan kepada anggota Majlis Daerah Kota Tinggi maka pembiayaan perubatan bagi anggota MDKT dinaikkan kepada RM700.00 setahun bagi anggota yang telah berkahwin dan RM350.00 bagi anggota bujang bermula <u>Januari 2021</u>.**

PECAHAN ANGGOTA MDKT/ KADAR ELAUN	BERKAHWIN (198 ORANG)	BUJANG (18 ORANG)	IMPLIKASI KEWANGAN
	PENUH	½ DARIPADA KADAR	
RM700.00	RM700.00 x 198 =RM138,600.00	RM350.00 x 18 = RM6,300.00	RM144,900.00

Tindakan: MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

CABUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
BIL . 01/2021

(A) JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PERKARA AM	BERTARIKH	13	Jan	2021
(B) JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	*BERTARIKH*			*2021*
(C) JAWATANKUASA KESIHATAN DAN LESEN-LESEN	*BERTARIKH*			*2021*
(D) JAWATANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA	*BERTARIKH*			*2021*
(E) JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN ALAM SEKITAR	*BERTARIKH*			*2021*
(F) JAWATANKUASA LALULINTAS	*BERTARIKH*			*2021*
(G) JAWATANKUASA PENGURUSAN	BERTARIKH			2021
DITERIMA DAN DISAHKAN DALAM MESYUARAT PENUH	BERTARIKH	27-Jan-2021		

" AGENDA TETAP "

5. Memaklumkan **Kertas Kerja Permohonan Pewartaan Penggunaan Dewan Arena Segitiga Sebagai Pusat Kuarantin Sementara Bagi Kes Sementara Bagi Kes Positif Orang Kena Tuduh (OKT) Covid-19 Oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi**

Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDKT membentangkan Kertas Kerja Permohonan Pewartaan Penggunaan Dewan Arena Segitiga Sebagai Pusat Kuarantin Sementara Bagi Kes Sementara Bagi Kes Positif Orang Kena Tuduh (OKT) Covid-19 Oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi bermula dari 24 Disember 2020 sebagaimana **Agenda 5**. Penggunaan dewan dan pelaksanaan PKPD ini juga adalah bertujuan untuk mengawal penularan covid-19. Prosedur Operasi Standard (SOP) PKPD di pusat tahanan ini adalah sama, antaranya tiada pergerakan keluar masuk dan lawatan ahli keluarga tidak dibenarkan sambil dikawal ketat oleh Polis Diraja Malaysia serta agensi yang berkaitan.

*** **Sidang Mesyuarat bersetuju <u>MENERIMA</u> maklum Kertas Kerja Permohonan Pewartaan Penggunaan Dewan Arena Segitiga Sebagai Pusat Kuarantin Sementara Bagi Kes Sementara Bagi Kes Positif Orang Kena Tuduh (OKT) Covid-19 Oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi bermula 24 Disember 2020.**

Tindakan: MDKT (Jabatan Khidmat Pengurusan)

KERTAS KERJA
PERMOHONAN PEWARTAAN PENGGUNAAN DEWAN ARENA DESA SEJAHTERA SEBAGAI PUSAT KUARANTIN SEMENTARA BAGI KES SEMENTARA BAGI KES POSITIF ORANG KENA TUDUH (OKT) COVID-19

1. PENGENALAN

Kertas kerja ini dibentang untuk memaklumkan di atas pewartaan penggunaan Dewan Arena Segitiga (Taman Desa Sejahtera) sebagai Pusat Kuarantin Sementara bagi kes positif orang kena tuduh (OKT) Covid-19 oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi bermula dari 24 Disember 2020.

Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Dewan Arena Segitiga tersebut yang terletak di Lot 19094, Taman Desa Sejahtera, Mukim Kota Tinggi untuk menepatkan ke semua tahanan yang positif Covid-19 dari Lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi.

KKM sudah melaksanakan 171 ujian saingan secara bersasar dilaksanakan dan daripada jumlah itu sebanyak 125 kes positif Covid-19 telah direkodkan dikalangan tahanan tersebut.

2-TUJUAN

Penggunaan Dewan di atas dan Pelaksanaan PKPD ini juga adalah bertujuan untuk mengawal penularan Covid-19 tersebut. Prosedur Operasi Standard (SOP) PKPD di pusat tahanan ini adalah sama, antaranya tiada pergerakan keluar masuk dan lawatan ahli keluarga tidak dibenarkan sambil dikawal ketat oleh Polis DIRaja Malaysia serta agensi yang berkaitan.

3-ULASAN JABATAN DI MDKT

Pentadbiran Majlis tiada halangan dan memberi kerjasama di atas usaha Kerajaan didalam menghentikan rangkaian wabak penyakit tersebut secara drastik dari terus menular di komuniti setempat. Tambahan pula Dewan tersebut masih belum ada tempahan lagi bagi tujuan yang lain.

4-PENUTUP

Dengan ini kertas kerja ini disediakan untuk makluman ahli sidang mesyuarat.

(DISEDIAKAN OLEH JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)